

# Kes Najib, Rosmah dikendalikan pasukan pendakwaan sama

BH - 31/1/2023 ml: 15

## Suasana hiba selubungi prosiding penyelewengan 1MDB susulan kematian Sri Ram

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Farah Marshita Abdul Patah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) serta rasuah berkait projek hibrid solar untuk sekolah luar bandar di Sarawak, yang masing-masing dihadapi Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, akan terus dikendalikan pasukan pendakwaan yang sama.

Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun, menjelaskan pendakwaan kes yang dikendalikan mendiang

Datuk Seri Gopal Sri Ram sebelum ini, tidak akan terjejas selepas bekas Hakim Mahkamah Persekutuan itu meninggal dunia, kelmarin.

“Pendakwaan akan diteruskan oleh pasukan sama,” katanya kepada BH, di sini.

Sri Ram, 79, adalah ketua pasukan pendakwaan dalam kes penyelewengan dana 1MDB dihadapi Najib, dan pendakwa raya utama bagi perbicaraan kes rasuah dihadapi Rosmah berhubung projek hibrid solar bagi 369 sekolah luar bandar di Sarawak, serta dakwaan pengubahan wang haram.

Pada 8 Disember tahun lalu, Mahkamah Rayuan menetapkan 18 Mei depan untuk mendengar rayuan Rosmah berhubung semakan kehakiman bagi mencabar pelantikan Sri Ram. Ia selepas Mahkamah Tinggi menolak permohonan Rosmah untuk memulakan semakan kehakiman itu, 30 Ogos tahun lalu.

Sri Ram meninggal dunia di sebuah hospital swasta pada jam 12.15 tengah hari kelmarin. Difahami, mendiang dimasukkan

ke Unit Rawatan Rapi (ICU) sejak minggu lalu bagi menerima rawatan, dipercayai akibat jangkitan paru-paru.

### Mohon tangguh bicara

Sementara itu, suasana hiba menyelubungi prosiding sebutan kes penyelewengan dana 1MDB yang dihadapi Najib di Mahkamah Tinggi, semalam.

Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, tidak dapat menahan sebak ketika membicarakan mengenai mendiang Sri Ram.

Ahmad Akram berkata, pasukan pendakwaan menyifatkan Sri Ram umpama bapa kepada mereka.

“Beliau ibarat bapa, bos dan ketua pasukan buat kami. Oleh itu, kami memohon dibenarkan menghadiri upacara penghormatan terakhir, esok (hari ini).

“Hari ini (semalam) sepatutnya sambung bicara tetapi kami juga memohon ia ditangguhkan kerana pasukan pendakwaan perlu berbincang mengenai fokus kerja bagi mengagihkan tugas kerja



Najib hadir untuk sambung bicara kes penyelewengan dana 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

membabitkan saksi dan dokumen,” katanya.

Dalam pada itu peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, turut mengucapkan takziah kepada pasukan pendakwaan dan tidak membantah permohonan menangguhkan perbicaraan semalam.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Collin Lawrence Sequerah kemudian membenarkan prosiding ditangguhkan dan akan bersambung semula pada Khamis ini dengan saksi ke-41 pendakwaan, Joanna Yu Ging Ping disoal balas oleh Muhammad Shafee.